



## Polisi Pemberian Maklumat

### Penyataan Polisi

Bank Simpanan Nasional ("Bank") komited untuk memperkukuhan budaya integriti, ketelusan dan tadbir urus terbaik secara menyeluruh di dalam organisasi dan cara melaksanakan perniagaannya.

Sehubungan dengan itu, Polisi Pemberian Maklumat ("Polisi") telah diwujudkan untuk menggalakkan dan memberikan jalan kepada Pemberi Maklumat bagi menyatakan kebimbangan atas segala kesalahan tanpa rasa takut kepada tindakan balas

### Permakaian / Skop

Polisi ini terpakai kepada Ahli Lembaga, Pengurusan, Kakitangan dan / atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Bank.

### Kelakuan Tidak Wajar

Kelakuan Tidak Wajar merupakan tingkah laku dan / atau amalan yang tidak wajar, tidak beretika atau menyalahi undang-undang oleh Bank atau kakitangannya, yang jika terbukti merupakan kesalahan tata tertib dan / atau jenayah seperti yang diperuntukkan di bawah undang-undang, peraturan, Kod Etika BSN dan / atau kontrak kerja atau perjanjian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

### Perlindungan Pemberi Maklumat Dan Kerahsiaan

Hanya maklumat lengkap yang didedahkan kepada Pegawai Yang Ditetapkan sahaja akan diterima. Pihak Bank mempunyai hak untuk meneruskan siasatan berdasarkan maklumat terhad yang diperolehi.

Semua pendedahan yang dibuat oleh Pemberi Maklumat adalah sulit dan rahsia. Identiti Pemberi Maklumat hanya terhad kepada Pegawai Yang Ditetapkan dan Jawatankuasa Aduan Pemberi Maklumat.

Bank komited untuk melindungi dan memastikan Pemberi Maklumat yang melaporkan kelakuan tidak wajar dengan suci hati di bawah polisi ini tidak mengalami keadaan yang memudaratkan.

### Prosedur Pendedahan

Semua pendedahan hendaklah disalurkan mengikut prosedur sebagaimana yang diperuntukkan di bawah polisi ini.

### Laporan Palsu Berkaitan Kelakuan Tidak Wajar

Pemberi Maklumat perlu memastikan bahawa laporan yang dikemukakan mempunyai fakta yang betul daripada sumber yang asal dan dibentangkan dengan cara yang tidak berat sebelah.

Bank tidak akan bertolak ansur dengan laporan palsu berkaitan kelakuan tidak wajar, kecuali jika dakwaan itu dibuat dengan niat yang baik.

**Nota :** Pihak Bank mempunyai hak untuk mengemaskini Polisi Pemberian Maklumat dari masa ke semasa